

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH / HARI : 08 OGOS 2017 ( SELASA )

## MBSA terima anugerah khas



Ahmad Zaharin menerima anugerah dalam satu majlis di Putrajaya pada Isnin lalu.

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016 bagi Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP) anjuran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Anugerah itu diterima Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, semasa Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016 pada 17 Julai lalu di Putrajaya.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

MBSA, Shahrin Ahmad berkata, MBSA diperakui berstatus lima bintang (cemerlang) berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh IAKKP.

"Program IAKKP yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menilai dan mengukur prestasi bagi memastikan penyampaian sistem pengurusan keselamatan pada tahap yang cemerlang.

"Ia juga memberi pengiktirafan ke atas tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik serta menggalakkan pembudayaan pengurusan

persekitaran dan perlindungan keselamatan yang kondusif," katanya.

Shahrin berkata, skop Inspektorat itu meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pematuhan terhadap kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan, Pekeliling Keselamatan dan Surat Pekeliling Keselamatan yang telah ditetapkan dan berkuat kuasa.

"Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan ini telah dijalankan ke atas 185 kementerian dan jabatan sepanjang tahun 2016," katanya.